



Unit Bekalan Air Kesihatan Sekeliling (BAKAS)

Category : [Unit Bekalan Air Kesihatan Sekeliling \(BAKAS\)](#)

Published by PKK Beaufort on 02-Jul-2020

Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort

Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort terdiri daripada pecahan 8 unit utama yang mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dalam pelaksanaan aktiviti. Objektif utama Unit KAS Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort ialah untuk mengurangkan morbiditi dan mortaliti disebabkan oleh penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit dan keadaan-keadaan yang berkait supaya ianya tidak merupakan masalah kesihatan awam di kawasan operasi Pejabat Kesihatan Kawasan Beaufort (Daerah Beaufort, Sipitang dan Kuala Penyu). Ini boleh dicapai melalui promosi kehidupan sihat, tempat kerja sihat dan selamat, alam sekitar yang bersih, langkah-langkah pencegahan yang sesuai, pengesanan dan rawatan awal, surveilans yang kerap, perkhidmatan pemilihan yang tepat, penyertaan masyarakat secara aktif dan kolaborasi antara sektor kepada pembentukan masyarakat yang sihat dan penyayang.

Unit BAKAS ialah untuk mencegah dan mengawal kejadian penyakit bawaan air di kalangan penduduk luar bandar melalui penyediaan kemudahan asas bekalan air selamat dan sistem sanitasi yang teratur.

Objektif Umum

1. Merancang, melaksana, mengawas dan menyelaras program-program kesihatan melalui pelaksanaan kaedah dan prinsip-prinsip kejuruteraan dan alam sekitar.
2. Merancang, merekabentuk, melaksana, mengawas dan menyelaras program-program kawalan penyelenggaraan untuk mempertingkatkan dan menjamin keberkesanan operasi semua peralatan dan kemudahan Kementerian Kesihatan Malaysia
3. Memberi bantuan teknikal, khidmat nasihat dan khidmat lain kepada semua peringkat Jabatan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Sektor Swasta mengenai Kejuruteraan Kesihatan Alam Sekitar

Objektif Khusus

1. Meningkatkan kebersihan alam sekeliling dan mutu bekalan air luar bandar bagi mengurangkan kejadian penyakit-penyakit bawaan air dan najis
2. Memperbaiki keadaan kebersihan alam sekitar di samping bekalan air dan tandas, pelupusan air limbah dan sisa pepejal melalui era teknologi yang sesuai dan murah.